


Berangkat ke Perhimpunan Bertadarus Al-Quran Belia Senegara Ke-6



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah (atas), sementara gambar kanan dan bawah kiri, Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Perhimpunan Bertadarus Al-Quran Belia Senegara Ke-6, Tahun 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Jun. - Lebih 3,000 orang belia dan beliawanis yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan persatuan belia, para penuntut, bekas peserta program belia dan orang-orang perseorangan telah menyertai Perhimpunan Bertadarus Al-Quran Belia Senegara Ke-6, Tahun 2017.

Majlis diadakan secara berasingan di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi belia lelaki dan Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara bagi belia perempuan.

Berangkat ke Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Quran Belia Senegara ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Jame' 'Asr Hassaniil

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Bolkiah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Andera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi yang juga selaku Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2017, Awang Zulwagar bin Haji Suhaili.

Majlis Khatam Al-Quran iaitu pembacaan dari Surah Ad-Dhuha hingga Al-Masad dikepalai oleh Muhammad Asnawi bin Haji Abu Bakar, penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Setelah itu diteruskan dengan bacaan Tahtim serta Dikir Marhaban oleh Kumpulan Takhtim Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Yusrun bin Haji Jahari, penuntut ITQSHHB manakala Doa Allah Peliharakan Sultan pula dibacakan oleh Awang Ahmad Zulwagar.

Sejurus selesai Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, YTM berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Majlis anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal



Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diharap dapat mengukuhkan lagi ukhuwah

belia di samping mendampingi Al-Quran dalam kehidupan seharian terutama di bulan yang penuh keberkatan ini.



YTM ketika berkenan menerima junjung ziarah (atas), sementara gambar bawah, antara belia yang hadir pada majlis tersebut.

